

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam arus ledakan teknologi maklumat kini, dunia semakin maju dari pelbagai aspek. Sesungguhnya antara ramuan untuk membentuk masyarakat yang jaya ialah berdasarkan akhlak yang mulia. Kecemerlangan peribadi dan keunggulan sahsiah adalah penting kerana sejarah telah membuktikan bahawa negara akan musnah sekiranya warganegaranya tidak beretika, berjiwa gersang dan kontang, buruk akhlak dan tidak bermoral. Ini bertepatan dengan hasrat untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat berkualiti dan cemerlang seperti yang telah ditegaskan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979, ms. 227):

Untuk kepentingan pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, bahkan perlu juga dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

Di seluruh dunia sekarang, seperti mana teknologi moden mengubah persekitaran fizikal yang belum pernah terjadi sebelum ini, wujud kesedaran mengenai sumber-sumber yang membentuk masa hadapan. Lebih banyak negara sedang beralih kepada persoalan untuk menanya sistem sekolah untuk mengelola satu program yang tumpu kepada perkembangan nilai moral, etnik dan kumpulan kaum. Seperti kata Lawery (1981, ms. 1):

...the future of mankind depends largely upon the kind of education children all over the world are receiving at present. All education is basically a process of developing and forming children's minds. Besides making them more informed and more skilled it should also help them to be better human beings. In other words in addition to education for knowing and education for doing, children should also receive education for becoming.

Selain itu, Menteri Perumahan juga telah menekankan peranan pendidikan. Beliau mencadangkan bahawa (The Straits Times, 26hb. November 1974):

To prepare for a more meaningful tomorrow, children who would be the citizens of tomorrow must today be exposed to disciplines and experiences preparing them for analytical, creative and speculative purposes needed for balanced growth and development.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, mata pelajaran Pendidikan Moral telah diberi perhatian yang serius dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, langkah Kementerian Pendidikan memasukkan Pendidikan Moral sebagai satu mata pelajaran baru dalam KBSM, bermula dengan Tingkatan Satu pada tahun 1989, diandaikan menghadapi isu-isu yang lebih kompleks

dan rumit memandangkan sifat-sifat sosio-budaya penduduk negara ini yang berbilang kaum dengan kelainan agama, nilai kepercayaan dan cara hidup. Penggubalan satu sukanan pelajaran bagi Pendidikan Moral untuk sekolah-sekolah di Malaysia bermula pada tahun 1976 dengan penubuhan satu jawatankuasa induk di Kementerian Pendidikan, dikenali sebagai Jawatankuasa Pendidikan Moral, yang dipengerusikan oleh Ketua Jemaah Nazir sekolah-sekolah persekutuan. Pada 25hb. November 1976, jawatankuasa ini telah menyediakan satu laporan yang memuatkan satu takrif bagi Pendidikan Moral dalam konteks Malaysia, yang telah dipersetujui sebagai rangka rujukan iaitu:

Pendidikan Moral yang didasarkan kepada agama, tradisi dan nilai-nilai kemanusiaan adalah satu program pendidikan yang formal, juga tidak formal yang ditujukan ke arah perkembangan perwatakkan individu, supaya dapat memberi sumbangan kepada kebijakan masyarakat dan negara, selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara

Susulan kepada langkah tersebut, beberapa jawatankuasa kecil kemudiannya ditubuhkan bagi mengkaji nilai-nilai moral yang terdapat dalam pelbagai agama, adat resam, norma-norma hidup dan sistem budaya seluruh kaum yang terdapat di Malaysia. Jawatankuasa induk itu sendiri pula ditugaskan mengkaji senarai nilai-nilai moral yang diperolehi daripada Bengkel Pendidikan Moral anjuran United Nations Educational Scientific And Cultural Organization, National Institute Educational Research (UNESCO- NIER), Tokyo, Jepun yang di adakan pada tahun 1975.

Nilai-nilai moral yang telah dikaji, diperhalusi dan diterima itu kemudiannya diserah kepada Jawatankuasa Teknik Pendidikan Moral, yang telah ditubuhkan dengan rasminya pada 7 Februari 1978. Pengurusinya kepada Jawatankuasa ini ialah Mukherjee dari Universiti Malaya dan urusetianya ialah Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jawatankuasa ini kemudiannya menyediakan satu draf sukanan pelajaran Pendidikan Moral dengan cara menyelaras dan menyusun nilai-nilai moral yang telah dipilih kepada 16 nilai utama yang boleh merangkumi nilai-nilai moral yang lain serta juga menentukan rasional, definasi, objektif am dan objektif khusus bagi peringkat-peringkat persekolahan tertentu. Secara mikro, pelaksanaan Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran khusus KBSM adalah diwajibkan kepada semua pelajar bukan Islam (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979).

Oleh yang demikian, hanya pada tahun 1982 barulah Pendidikan Moral sebagai satu mata pelajaran rasmi di peringkat darjah satu sekolah rendah mula diperkenalkan apabila dilaksanakan secara meluas terhadap Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Pelaksanaan penuh KBSR di seluruh negara yang melibatkan enam tahun persekolahan peringkat rendah, bermula dengan darjah satu pada tahun 1983. Apabila KBSR menamatkan satu pusingannya pada tahun 1989, satu program kurikulum peringkat menengah yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan, bermula Tingkatan Satu. Oleh itu pengajaran mata pelajaran Pendidikan Moral untuk peringkat sekolah menengah hanyalah berada di tahap awal pelaksanaanya dan program ini memerlukan perhatian yang sepenuhnya. Maka wajarlah dilakukan kajian untuk melihat strategi yang sesuai untuk kejayaan pelaksanaanya.

1.2 Permasalahan kajian

Mata pelajaran Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang agak baru sahaja diperkenalkan dalam sistem persekolahan di Malaysia. Pendidikan Moral juga melibatkan proses pengajaran nilai (*values teaching*) iaitu satu kaedah yang dirasakan masih asing bagi guru-guru di Malaysia. Pengajaran tentang nilai memerlukan perlunya kepada pendekatan serta strategi-strategi tertentu dan guru yang terlibat perlu didedahkan dengan pelbagai teori dan kaedah pengajaran nilai.

Pengalaman beberapa buah negara di barat, juga negara-negara di timur seperti Jepun dan Filipina menunjukkan bahawa beberapa kaedah tertentu telah digunakan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran nilai di sekolah-sekolah lebih berkesan. Kajian-kajian yang dijalankan juga mendapati bahawa adalah sukar untuk memastikan kejayaan sesuatu program Pendidikan Moral sekiranya mata pelajaran ini dilayan seperti mata pelajaran kognitif yang lain (Zarin, 1990).

Domain afektif di mana terangkum di dalamnya mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu domain dalam bidang pendidikan yang bagi kebanyakan sarjana pendidikan, secara umum sependapat bahawa ianya merupakan sesuatu yang sangat sukar dikendalikan (Bloom, 1973). Pendidikan Moral bukan sahaja satu mata pelajaran yang kompleks dari segi konsep tetapi merupakan satu bidang yang kurang jelas skop dan isi kandungannya.

Mengikuturaian sukanan pelajaran Pendidikan Moral KBSM, ianya dimuatkan dengan cadangan isu-isu dan situasi untuk tujuan pengajaran-pembelajaran di dalam bilik darjah di mana isu merupakan persoalan yang boleh menimbulkan kontroversi dan boleh dijadikan rangsangan dan asas perbincangan, manakala situasi pula ialah suatu keadaan atau peristiwa yang telah, sedang dan mungkin berlaku (Huraian Sukatan Pelajaran, 1993). Dalam huraian sukanan Pendidikan Moral juga disyorkan supaya perancangan pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kepada isu dan situasi. Ini adalah kerana tumpuan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada penyelesaian masalah yang berkaitan dengan isu dan situasi moral yang memerlukan pertimbangan rasional sebelum sesuatu keputusan diambil terhadap isu dan situasi yang dikemukakan. Dengan demikian pelajar perlulah menghayati konsep dan ciri-ciri sesuatu nilai dan sub nilainya di samping dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam soalan-soalan berbentuk struktur dan esei.

Di Malaysia, mengajar Pendidikan Moral merupakan satu tugas yang amat mencabar kerana masih ramai pendidik yang kurang mempunyai maklumat dan pengetahuan khusus tentang dimensi-dimensi Pendidikan Moral. Tambahan pula penyelidikan dalam bidang ini amatlah sedikit kerana Pendidikan Moral tidak pernah menjadi sebahagian daripada kurikulum sekolah di Malaysia sebelum tahun 1983.

Adalah juga penting untuk mengingatkan apa yang diutarakan oleh Straughan (1982). Beliau menekankan bahawa pengajaran Pendidikan Moral adalah bukan setakad

memindahkan pengetahuan atau mengenakan satu set nilai kepada masyarakat. Peranannya bukan sahaja mengajar apa yang betul atau apa yang salah sahaja. Jika boleh guru-guru perlu bekerja keras untuk menunjukkan kemunculan sudut pandangan moral dan aplikasinya yang sebenar. Tujuannya adalah membuatkan mereka memahami sebab yang mendasari kemoralan. Masyarakat perlu memahami, menyatakan dan mengaplikasi sebab yang betul untuk kes-kes yang relevan. Seperti kata Wilson (1972, ms. 18):

We must show them the existence and proper application of such reasons in various contexts and illustrative example and the more 'real' the contexts and examples are, the better.

Menurut Ahmad (1984) berdasarkan kepada pemerhatian dan laporan oleh pegawai di Pusat Perkembangan Kurikulum, guru-guru Pendidikan Moral di Malaysia adalah kebanyakannya menggunakan kaedah pengajaran tradisional dan didaktik iaitu dengan menggunakan ‘chalk and talk’. Tambahan lagi mereka menumpukan kepada domain kognitif sahaja. Seterusnya domain afektif dalam kurikulum adalah diabaikan. Mukherjee (1983) menyarankan peranan guru bukan sahaja sebagai fasilitator yang neutral malahan sebagai penguatkuasa moral.

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran teras yang merupakan kesinambungan dari sekolah rendah. Tetapi Pendidikan Moral ini hanya diuji dalam peperiksaan SPM. Apabila pelajar tiba ke peringkat SPM, mereka menghadapi masalah dalam mata pelajaran ini untuk mendapat markah yang baik. Pendidikan Moral yang

mula diuji sejak tahun 1993 menunjukkan prestasi yang agak kurang memuaskan di peringkat penilaian SPM. Jika dilihat keputusan SPM sejak tiga tahun yang lepas di Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang iaitu pada 1998, 1999 dan 2000 ialah masing-masing 68%, 65.4% dan 70.4%. Jika dilihat dari aspek pencapaian kualiti, pada tahun 1998 tiada pelajar yang mendapat A1 hingga C3. Pada tahun 1999 pula tiada pelajar yang mendapat A1 dan dua orang mendapat A2 dan dua orang mendapat C3. Pada tahun 2000 pula walaupun beberapa langkah untuk meningkatkan prestasi dilakukan, hanya dua orang pelajar mendapat A1, dua orang mendapat A2 dan empat orang mendapat C3. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun keputusan keseluruhan agak memuaskan tetapi pelajar tidak dapat memperolehi keputusan yang baik disebabkan mereka hanya memahami nilai secara kasar dan tidak dapat mengaplikasikannya dalam soalan.

Terdapat banyak sebab mengapa para pelajar gagal dan tidak berminat dalam pembelajaran. Antaranya ialah bahan pembelajaran yang digunakan kurang sesuai, kandungan pelajaran kurang terancang, persekitaran bilik darjah kurang menggalakkan dan ketidakpelbaigan dalam kaedah pengajaran yang diamalkan oleh para guru (Okey, 1978). Selain daripada itu bahan-bahan pengajaran yang digunakan oleh guru tidak berjaya menarik minat pelajar untuk belajar. Sungguhpun terdapat berbagai-bagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan, namun guru masih terus dengan amalan pengajaran tradisional. Oleh itu amalan pengajaran tradisional ini haruslah dipelbagaikan bagi menarik minat pelajar untuk terus belajar, serta dapat memperkembangkan lagi bakat, minat dan kebolehan mereka. Salah satu bahan

pengajaran yang dianggap terbaik dan memenuhi ciri-ciri tersebut ialah Modul Pengajaran Kendiri. Pertimbangan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada para pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang dan tahap kebolehan. Di atas pertimbangan inilah kaedah pengajaran bermodul boleh dilaksanakan.

Setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain dari pelbagai aspek termasuklah penerimaan terhadap pembelajaran. Ada segolongan pelajar yang cepat memahami dan ini mungkin kerana mereka terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Pelajar sebegini akan cepat bosan jika sesuatu isu atau kandungan diulang. Pelajar yang lemah pula adalah tidak mempunyai pengetahuan mengenai topik dan selain itu minat pelajar di dalam sesuatu mata pelajaran juga adalah penting. Selain itu, di dalam Pendidikan Moral, pelajar mungkin berasa bosan dan sukar mempelajarinya disebabkan guru tidak menggunakan teknik yang pelbagai dalam pembelajaran dan kurang pendedahan tentang teknik menjawab. Oleh itu mereka akan mengambil sikap berdiam diri serta tidak akan melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu guru pula terpaksa menghabiskan sukatan dan tiada masa yang mencukupi untuk memberikan latih tubi yang secukunya untuk mendedahkan pelajar kepada teknik menjawab yang betul dan berkesan mengikut kehendak soalan. Oleh itu di antara tugas asas para guru ialah membangunkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang mengambilkira aspek perbezaan individu supaya dapat membantu perkembangan sepenuhnya individu pelajar (Block, 1971). Menurut Ee Ah Meng (1990), pelajar-pelajar di dalam kelas KBSR dan KBSM adalah berbeza dari segi minat, bakat dan kebolehan. Begitu juga pelajar-pelajar di dalam kelas bermasalah pembelajaran.

Para guru haruslah peka terhadap perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar mereka dan eloklah sentiasa berusaha memberi perhatian terhadapnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dilalui oleh pelajar tersebut. Para guru perlulah memberi pertimbangan sewajarnya kepada kebolehan pembelajaran yang berbagai-bagai di kalangan para pelajar mereka, misalnya di antara pelajar cerdas dengan pelajar lemah. Salah satu cara lain yang boleh digunakan adalah dengan mengindividukan proses pengajaran dan pembelajaran yang bakal diikuti oleh para pelajar dengan menggunakan pendekatan penguasaan supaya ia dapat meningkatkan lagi perkembangan pembelajaran mereka mengikut keperluan dan kebolehan masing-masing (Gronlund, 1974; Grabe, Latta & Delphin, 1979). Usaha ke arah mencapai hasrat ini boleh menerusi kaedah pengajaran bermodul dengan menggunakan Modul Pengajaran Kendiri. Dengan itu pembelajaran individu dapat menarik minat pelajar kerana penggunaan kaedah yang pelbagai.

Pembelajaran individu ini dapat dilakukan dengan pelbagai cara lebih-lebih lagi dengan adanya perkembangan dalam dunia teknologi maklumat. Melihat kepada perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat, penggunaan komputer di sekolah begitu dititikberatkan. Pelbagai laman-laman dan perisian multimedia wujud dan dapat diwujudkan untuk merangsang pembelajaran kendiri ini. Tetapi masalahnya ialah, adakah sekolah mempunyai kemudahan komputer yang mencukupi untuk menggunakannya.

Pada hakikatnya terdapat terlalu sedikit bilangan sekolah yang memiliki kemudahan komputer multimedia dan internet serta dapat memanfaatkan kemudahan-

kemudahan tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Peruntukan kerajaan didapati tidak mencukupi untuk melengkapi sekolah-sekolah dengan perisian dan komputer yang relevan kalau mengambil kira statistik bilangan sekolah rendah dan menengah sebanyak 10,000 menjelang tahun 2010 (Utusan Malaysia, 6 Julai ,1998).

Mengikut kajian yang dilakukan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC, 2000), 5010 atau 69.5% sekolah rendah dan 758 atau 46.2% sekolah menengah tidak mempunyai kemudahan komputer. Ini ternyata benar jika kita melihat kemudahan komputer di Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang yang terletak di luar bandar. Di sekolah ini hanya mempunyai tiga buah komputer sahaja di mana sebuah untuk pejabat, sebuah untuk pengetua dan sebuah untuk guru-guru kanan. Guru-guru sendiri tidak mempunyai sebuah komputerpun untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran mereka.

Berdasarkan hakikat ini, sekolah-sekolah seperti ini yang tidak mempunyai kemudahan komputer multimedia dan Internet terpaksa meneruskan usaha meningkatkan prestasi Pendidikan Moral para pelajar melalui inovasi pendidikan yang sedia ada seperti buku-buku kerja dan Modul Pengajaran Kendiri (MPK). Namun, tidak banyak Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan pada peringkat sekolah kerana kurangnya inisiatif mendedahkan para guru kepada proses penghasilan dan penilainnya. Menurut Gagne dan Briggs (1974), pembelajaran haruslah dirancang supaya setiap orang dapat menghampiri matlamat penggunaan optimum bakatnya.

Kaedah pengajaran bermodul menggunakan MPK adalah diperlukan dalam pendidikan kerana wujud perbezaan individu di kalangan para pelajar. Para pelajar berbeza dari segi teknik dan gaya belajar, kadar pencapaian dalam pembelajaran, cara menyelesaikan masalah, tingkah laku, minat, kesediaan untuk belajar, kebolehan untuk belajar dan motivasi untuk mencapai matlamat (Shaharom & Yap, 1993).

Kajian Sheppard dan Macdermot (1970) membuktikan bahawa pelajar yang menggunakan kaedah modul terancang mendapat skor yang lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan pelajar yang diajar secara kuliah. Eisen & Yaakobi (1986) dalam kajian mereka yang bertujuan untuk melihat pencapaian akademik para pelajar menggunakan kaedah pengajaran individu dalam bentuk Modul Pengajaran Kendiri, telah melibatkan subjek seramai 557 orang pelajar gred sepuluh yang mengambil mata pelajaran Biologi. Mereka telah merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan memihak kepada kelompok percubaan dalam pencapaian akademik.

Teknik cabangan yang digunakan dalam modul juga membenarkan keperluan tertentu pelajar dipenuhi (Lathrop & Goodson, 1983). Kebiasaanya pembelajaran jenis ini bermula dengan menilai pengetahuan sedia ada pelajar diikuti dengan penyampaian maklumat-maklumat penting. Teknik ini sesuai digunakan hampir kepada semua tajuk. Ia sesuai untuk menyampaikan maklumat, untuk mempelajari prinsip-prinsip hingga hal untuk mempelajari strategi penyelesaian masalah. Teknik pengajaran cabangan adalah lebih fleksibel dalam menangani perbezaan individu dalam pembelajaran.

Bagi menangani masalah ini, maka penyelidik ingin membangunkan satu Modul Pengajaran Kendiri (MPK) bagi nilai Semangat Bermasyarakat untuk pelajar Tingkatan Empat. MPK ini diharapkan dapat memberikan satu permulaan untuk memahami nilai moral yang terakhir dan mengetahui perbezaan di antara setiap sub nilai dan seterusnya melatih mereka mendalami teknik menjawab soalan. Ini diharapkan akan dapat menjadi asas untuk mereka mendalami nilai-nilai moral yang lain dan seterusnya mempraktikkan nilai-nilai tersebut di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

1.3 Skop Kajian

Sasaran kajian ini adalah pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang, Selangor. Mereka merupakan pelajar-pelajar bukan Islam yang wajib mengambil Pendidikan Moral sebagai salah satu mata pelajaran teras. Modul Pengajaran Kendiri ini akan dibina berdasarkan tajuk terakhir dalam sukanan Pendidikan Moral iaitu ‘Semangat Bermasyarakat’ yang mempunyai beberapa sub nilai yang mempunyai konsep yang agak sama dan sukar untuk dibezakan berdasarkan situasi yang diberi.

Skop kajian ini akan hanya meliputi perkara-perkara berikut:

- Pembangunan Modul Pengajaran Kendiri berdasarkan sukanan pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Empat bertajuk ‘Semangat Bermasyarakat’.

- Sub-sub nilainya agar sukar untuk dibezakan konsepnya dan mempunyai persamaan seperti:
 - i. Bermuafakat
 - ii. Kejiranan
 - iii. Peka terhadap Isu-isu sosial dalam masyarakat
- Persembahan dan penyampaian modul akan menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual di mana tajuk yang dipelajari akan diaplikasi dalam bentuk isu dan situasi kehidupan seharian yang memerlukan aplikasi konsep dan pertimbangan rasional.
- Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri yang direka berdasarkan rekabentuk pengajaran yang sistematis dengan menggunakan kaedah cabangan yang dapat memenuhi kehendak peribadi pelajar dan konsep perbezaan individu.

1.4 Tujuan Kajian

Penghasilan dan penilaian Modul Pengajaran Kendiri Pendidikan Moral ini bertujuan untuk:

1. Menghasilkan sebuah Modul Pengajaran Kendiri (MPK) untuk nilai Semangat Bermasyarakat bagi penguasaan konsep nilai dan teknik menjawab soalan-soalan berkaitannya.

2. Melakukan ujian pencapaian ke atas modul yang dihasilkan untuk mengetahui keberkesanannya dalam meningkatkan penguasaan nilai dan teknik menjawab .
3. Melihat reaksi pelajar terhadap MPK sewaktu pembelajaran dijalankan. Apakah tindakbalas pelajar menunjukkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan menggunakan modul tersebut?
4. Meninjau pandangan guru dan pelajar mengenai MPK yang dihasilkan.

1.5 Persoalan Kajian

1. Adakah MPK Pendidikan Moral ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai nilai tersebut?
2. Apakah pandangan pakar mengenai MPK Pendidikan Moral?
3. Apakah tindakbalas pelajar menunjukkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan menggunakan modul tersebut?
4. Apakah pandangan pelajar mengenai MPK ini?

1.6 Kepentingan Kajian

Modul Pengajaran Kendiri (MPK) ini dirancang dengan tujuan menjadikan pembelajaran Pendidikan Moral lebih menarik dan mencabar, memberi pelajar peluang melakukan pembelajaran secara persendirian dengan bebas dan mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran yang diikuti. Kaedah pembelajaran bercabang yang dikemukakan di sini akan memberi peluang belajar mengikut kadar sendiri

berdasarkan kebolehan masing-masing. Pembelajaran dengan menggunakan MPK adalah terancang dan sistematik. Pelajar tahu apa yang perlu dipelajari menerusi Objektif Pembelajaran dan Hasil Pembelajaran yang disediakan. Soalan-soalan yang disediakan dapat menguji dan memberi penilaian yang segera supaya pelajar dapat bertindak untuk mengesap kelemahan serta kesilapan diri dan seterusnya mengatasinya.

Hasil kajian ini juga boleh membantu kalangan guru terutamanya guru-guru sekolah ini dan pihak sekolah mengubahsuai kaedah pengajarannya dengan cuba menggunakan modul terancang yang boleh dihasilkan dengan kos yang rendah untuk meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan SPM dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Perancang Kurikulum di Kementerian Pendidikan boleh mengintegrasikan kaedah Modul Pengajaran Kendiri dalam Kurikulum Sekolah Bestari. Ini kerana, MPK adalah berbentuk teks dan mudah dialihkan menjadi perisian komputer.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Moral dan para pelajar Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang, Selangor. Modul Pengajaran Kendiri (MPK) yang dihasilkan hanya untuk kegunaan penyelidik dan juga guru-guru

Pendidikan Moral di sekolah tersebut dan penghasilannya berdasarkan masalah yang dikenalpasti ke atas sampel-sampel yang terlibat sahaja.

Kajian ini merupakan proses penghasilan dan penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) berpandukan model reka bentuk pengajaran ADDIE. Penilaian yang dilakukan adalah penilaian formatif dan kajian tidak melibatkan perbandingan antara keberkesanan penggunaan MPK dan kaedah pengajaran biasa dalam mengatasi masalah pelajar. Oleh itu keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan hanya merujuk kepada pencapaian sampel selepas penggunaannya yang sebenar.

Hanya soalan-soalan objektif dan struktur sahaja diuji dalam MPK yang dihasilkan. Selain itu, pelajar yang boleh membaca dan menulis sahaja dipilih sebagai responden kajian. Ini adalah kerana alat ukur yang digunakan memerlukan pelajar membaca dan memahami segala kenyataan supaya boleh menjawab soalan yang berbentuk objektif dan struktur.